

## Projek Pasar Percuma bantu penduduk Kuala Pahang



Pekan, 5 Mac –Projek Pasar Percuma anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama RTC Kuala Pahang yang berlangsung di Dewan Terbuka Perumahan Komuniti Bersepadu (PKB) Kuala Pahang baru-baru ini mendapat sambutan ramai terutamanya daripada penduduk Kuala Pahang.

Pegawai Psikologi UMP merangkap Pengarah Program, Paridah Mohd Ali, Projek Pasar Percuma yang bertemakan keperluan sekolah ini merupakan satu program CSR (Corporate Social Responsibility) berkonsepkan memberi keperluan peralatan sekolah secara percuma kepada golongan yang memerlukan.

"Kali ini konsep yang ditekankan kepada penerima cuma mereka perlu memberi salam, senyum dan mengucapkan terima kasih apabila menerima barangan. Manakala pemberi akan menyumbangkan barangan sekolah yang tidak digunakan tetapi masih elok dan boleh dipakai. Barangan tersebut juga boleh ditukar dengan kupon yang disediakan oleh pihak penganjur.



“Selain itu juga terdapat juga perkhidmatan gunting rambut secara percuma yang disediakan untuk remaja lelaki manakala bagi remaja perempuan pula boleh mendapatkan perkhidmatan mencuci dan menghias kuku secara percuma,” katanya.

Tambahnya lagi, projek ini bertujuan untuk mendidik budaya saling hormat menghormati dengan adab senyuman dan budaya berterima kasih kepada orang lain. Di samping itu, ianya dapat menggalakkan sikap suka memberi dalam kalangan masyarakat kepada golongan kurang berkemampuan dan menyemai sikap bersyukur dan tidak membazir dalam kalangan masyarakat.

Beliau amat bersyukur sambutan yang diterima amat menggalakkan terutamanya dengan kehadiran pengunjung terdiri daripada pelajar sekolah, guru-guru sekitar Kuala Pahang, ibu bapa dan masyarakat setempat. Begitu juga sokongan daripada pihak UMP Advanced Education(UAE).



Majlis ini juga turut diserikan lagi dengan kehadiran Adun Peramu Jaya, YB Dato Sri Sh. Mohamed Puzi Sh. Ali yang sempat beramah mesra dengan penduduk yang hadir mendapatkan keperluan sekolah secara percuma.

Turut terlibat dalam menjayakan program ini iaitu Persatuan Kakitangan Akademik ( Pakkad) Persatuan Pegawai Iktisas ( PPTI) , Kelab RESPEC JHEPA dan Majlis Perwakilan Pelajar UMP. Manakala agensi luar yang terlibat adalah Jabatan Imigresen, Jabatan Pertanian Daerah Pekan, Kolej Giat MARA Kuantan dan Kolej Giat MARA Pekan. Turut serta adalah pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Indera Shahbandar Pekan.

**Disediakan Nor Salwana Mohd. Idris dan foto JHEPA suntingan dari Bahagian Komunikasi Korporat.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 25-03-2016, 11:25:55